

Kebesaran al-Qur'an

(Oleh Abdullah Bin Haji Noh Kolej Islam, Klang)

Al-Qur'an mukjizat Nabi Muhammad (S.A.W) yang terbesar.

Mukjizat menurut erti bahasa Arab ialah yang melemahkan. Dan menurut erti istilah ahli agama iaitu sesuatu yang dapat melemahkan lawan atau mengalahkan kecerdikan dan kekuatan musuh; kerana keadaannya sangat menyalahi adat kebiasaan yang telah ada.

Mukjizat itu dikurniakan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kepada para Nabi dan Rasul-Nya sahaja. Orang kebanyakan tidak mungkin mendapatnya tambahan pula orang biasa tak mungkin sanggup melaksanakannya: Mukjizat yang diberi kepada para Nabi-nabi dan Rasul-rasul Allah itu adalah dua macam, pertama ((*hissi*)) yang kedua ((*ma'nawi*)).

Mukjizat *hissi*: Ialah yang dapat dilihat oleh mata, didengar oleh telinga, dicium oleh hidung, diraba oleh tangan, dirasa oleh lidah atau lebih tegas lagi yang dapat dicapai oleh pancaindera yang lima. Mukjizat ini sengahaja Tuhan memperlihatkan kepada manusia biasa.

Adapun mukjizat *ma'nawi*: Ialah mukjizat yang tidak mungkin dapat dicapai dengan kekuatan pancaindera yang lima, tetapi harus dicapai dengan kekuatan akal dengan kerjasama fikiran. Orang tidak akan dapat mengerti atau mengenal mukjizat ini melainkan orang yang berfikiran sihat, berbudi pekerti yang tinggi dan mempergunakan kecerdasan fikiran yang deras.

Kedua-dua macam mukjizat itu adalah dikurniakan

oleh Tuhan kepada Nabi-nabi, dan Rasul-rasul-Nya, kebanyakan yang diberi oleh Tuhan itu ialah mukjizat *hissi*. Tetapi keistimewaan bagi Nabi Muhammad (S.A.W) dikurniakan mukjizat *hissi* dan *ma'nawi* sekali. Yang *hissi* adalah amat banyak, sebagaimana yang tertulis dalam buku-buku sejarah yang masyhur, tetapi mukjizat Nabi Muhammad (S.A.W) yang terbesar ialah al-Qur'n al-Karīm.

Keindahan dan Kehalusan Bahasa Al-Qur'an

Setelah Nabi Muhammad menjadi Nabi dan al-Qur'an diturunkan sedikit demi sedikit; seayat demi seayat maka segala yang menjadi kemegahan dan kebesaran bangsa Arab itu dengan sendirinya lenyap musnah; dan mereka pada umumnya sangat lemah menghadapi semangat yang bernyala-nyala yang terkandung dalam ayat al-Qur'an yang ketajaman susun katanya dapat menembusi jiwa sesiapa yang membaca dan mendengarnya.

Dalam sejarah masih ternyata bahawa diwaktu al-Qur'an telah diturunkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W); tidak sedikit pada waktu itu bangsa Arab yang terdiri dari sasterawan-sasterawan Arab, ahli-ahli pidato yang menggunakan bahasa yang fasikh¹ dan halus serta indah dan ahli pengarang syair dengan susunan kata yang halus; dan sajak yang indah gubahannya; tetapi setelah al-Qur'an diturunkan tidak ada seorang pun yang dapat menandingi atau membuat sepotong ayat yang menyerupai ayat al-Qur'an. Pada hal

¹ Perkataan sebenarnya ialah fasih

dari kalangan mereka tidak sedikit yang senghaja hendak memadam dan memusnahkan pengaruh susunan kata dan isi seruan yang terkandung di dalam al-Qur'an. Selama 23 tahun al-Qur'an diturunkan dengan beransur-ansur tak ada seorang yang sanggup menandingi isi kandungan al-Qur'an itu. Ini adalah satu bukti bahawa al-Qur'an itu tersusun dengan susun kata dan bahasa pilihan yang halus lagi indah.

Untuk mengetahui kehalusan dan keindahan bahasa al-Qur'an itu bukan perkara yang mudah, bagi orang yang belum pernah mempelajari bahasa Arab nescaya tidak dapat membezakan antara kehalusan dan keindahan bahasa ayat al-Qur'an. Tetapi bagi orang yang pernah mempelajari dan menyelami ilmu bahasa Arab serta kesasteraannya tentulah dapat membezakan dan betapa menarik apabila membaca dan mendengarnya.

Pengakuan Ahli Musyrikin Tentang Kehalusan al-Qur'an

Dalam kitab tarikh ada tertulis oleh ahli sarjana bahawa di kala Nabi Muhammad (S.A.W) menyampaikan seruan dengan pembacaan ayat al-Qur'an kepada kaum musyrikin Quraish khususnya dan pada bangsa Arab amnya banyaklah di antara mereka dengan sendirinya mengakui kehalusan dan keindahan bahasa dan susun kata ayat al-Qur'an. Demikian pula tentang kehebatan erti dan isi terkandung di dalamnya. Sungguh pun mereka tetap tidak beriman dan menentang seruan Nabi atau dengan kata lain memusuhi akan ayat al-Qur'an namun mereka tetap merasa kagum dan terpaksa mengakui juga.

Contoh-contohnya

(1) Walid Bin Mughirah seorang ketua musyrikin Quraish yang terkemuka dan seorang hartawan dan terkenal sebagai orang yang memusuhi seruan Nabi lantas berkata yang bererti:

“Apa yang saya katakan? Demi Allah! Tidak ada kalangan kami yang mengerti tentang syair dan qasidah yang halus serta indah yang melebihi dari saya. Demi Allah! Tidak serupa dan seimbang sedikit pun dengan yang dibaca oleh Muhammad (S.A.W). Demi Allah! Sungguh perkataan amat manis; susunan katanya sangat elok; bahasanya sangat tinggi; tidak ada yang lebih tinggi dari itu. Sesungguhnya ia adalah sangat mengalahkan segala yang dibawahnya.”

(2) Nāsir Bin Harith; seorang ketua Quraish yang sangat memusuhi Islam dan kaum muslimin, pada suatu hari ketika ia mendengar ayat al-Qur'an yang dibaca oleh Nabi Muhammad (S.A.W) lalu ia berkata; antara lainnya:

“Hai para kawan! Sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa aku pernah meninggikan suatu perkara melainkan aku mesti mengetahuinya dan membacanya serta mengatakan lebih dahulu. Demi Allah! Sungguh aku mendengar sendiri ucapan yang biasa diucapkan oleh Muhammad. Demi Allah! Sekali-sekali aku belum pernah mendengar perkataan yang serupa itu; ia bukan syair dan bukan pula sihir.” Demikianlah ujar beliau.

Dengan dua contoh ini jelaslah sudah bahawa

al-Qur'an itu susunan katanya sangat halus; bahasanya sangat indah yang tak dapat siapa yang hendak menandinginya baik dahulu semasa al-Qur'an diturunkan mahu pun sekarang dan yang akan datang.

Orang yang pernah mempelajari sejarah bangsa Arab di dunia ini tentu mengetahui bahawa bangsa Arab pada masa itu pada umumnya mempunyai sifat-sifat berani, berani menyabungkan nyawanya untuk mempertahankan perkara yang kecil. Berani mengorbankan harta bendanya; anak isterinya demi untuk mempertahankan pendiriannya yang telah dianggap besar. Tetapi ketika mereka menghadapi al-Qur'an yang dibacakan oleh Nabi (S.A.W) tidaklah mereka itu berani menunjukkan perlawanannya dengan secara tegas walaupun al-Qur'an itu mereka anggap musuh yang besar bagi mereka.

Kehebatan Isi al-Qur'an

Selanjutnya yang dapat menarik dan mempengaruhi jiwa umat manusia itu tidak hanya dari kehalusan dan keindahan bahasa ayat al-Qur'an sahaja, tetapi kehebatan erti isi yang terkandung di dalamnya, serta menarik dan mempengaruhi siapa yang suka mempelajarinya dengan mendalam.

Cuba kita renungkan bagaimana ayat-ayat dalam al-Qur'an menerangkan cara bertauhid kepada Allah; cara menerangkan mana yang halal dan mana yang haram dan lain-lain lagi kesemuanya dengan ayat yang bersusun indah dengan rangkaian yang halus serta menarik. Demikian seterusnya tiap-tiap ayat al-Qur'an itu adalah mengandungi erti dan isi yang menakjubkan dan mengagumkan

orang yang membaca dan mendengarnya; asal dalam pembacaannya atau dalam pendengarannya itu disertai dengan fikiran yang tenang, hati yang khusyuk.

Pada waktu al-Qur'an diturunkan banyak orang yang berhati keras; yang keadaannya lebih keras dari batu, orang yang berfikiran beku, yang keadaannya lebih beku dari salji, tetapi setelah mereka mendengarkan bacaan ayat al-Qur'an di ketika itu juga menjadi lemah, lunak dan tunduk lalu taat dan patuh kepada pertunjuk al-Qur'an.

Misalnya terjadi ke atas peribadi 'Umar Ibn al-Khattāb, seorang yang terkenal dengan keras, kejam dan amat benci kepada Islam dan kaum muslimin pada mulanya, tetapi pada suatu hari ketika dengan tidak disangka-sangka, beliau datang ke rumah iparnya yang ketika itu sedang membaca ayat al-Qur'an; pada hal kedatangan beliau ke rumah iparnya itu dengan perasaan marah dan berang yang berkobar-kobar itu dengan seketika itu juga padam dan lenyap musnah lantaran dihembus oleh bunyi ayat al-Qur'an yang didengarinya dari semua bacaan saudaranya dan iparnya tadi. Pada ketika itu juga beliau mengikut dan tunduk kepada penyampaian al-Qur'an.

Kandungan al-Qur'an

Garis-garis besar yang terkandung di dalam ayat al-Qur'an itu dapat dibahagikan kepada 3 bahagian:

Pertama: Hal-hal yang berhubung dengan kepercayaan atau iman kepada Allah Tuhan semesta alam, kepada malaikat, kepada para nabi-nabi, kepada kitab-Nya yang diturunkan, kepada Hari Kemudian dan pada adanya keputusan dan ketentuan atas segenap makhluk-Nya.

Kedua: Hal-hal yang berhubung dengan urusan anggota lahir atau yang berkenaan dengan urusan ibadah persembahan bagi taubat kasar umat manusia; perintah dan larangan dan segala urusan yang mengenai hukum-hukum halal, haram dan sebagainya. Semuanya itu berhubung dengan urusan Islam.

Ketiga: Hal-hal yang berhubung dengan urusan yang berkenaan dengan urusan hati dan jiwa, kebanyakan budi pekerti dan segala sesuatu yang mengenai urusan kesukunan, atau disebut juga ilmu akhlak.

Selanjutnya di samping mengandung 3 pokok yang besar yang tersebut di atas tadi ada juga mengandung berbagai-bagai pelajaran luhur, pimpinan suci dan bermacam-macam pengetahuan dan pelajaran yang harus dipelajari, difikiri, direnungi, diperhati dan diselidiki oleh segenap bangsa manusia di muka bumi ini terutama sekali umat Islam.

Selain dari yang tersebut itu di dalam al-Qur'an juga banyak ayat-ayat yang mengandung pimpinan kepada umat manusia tentang:

(1) Ilmu pergaulan hidup atau ilmu masyarakat; dengan ilmu ini maka jadilah kehidupan umat manusia antara satu sama lain aman dan damai, tenteram dan teratur.

(2) Ilmu kehidupan dan cara mencari kehidupan; dengan ilmu ini umat manusia dapat mencari penghidupan dan masing-masing dapat hidup dengan bahagia raya serta aman damai.

(3) Ilmu pendidikan; ilmu ini sangat penting kerana dengan ilmu ini manusia dapat menjaga dan memelihara peri kemanusiaan dan mengerti akan tugas kewajipannya.

(4) Ilmu tatanegara atau hal pemerintahan, (politik) dengan ilmu ni umat manusia dapat mengatur negara dengan aman damai dan dapat pula keadilan ke atas rakyat jelata yang di bawah pimpinannya.

(5) Ilmu ketenteraan dan penerangan; dengan ilmu ini kaum muslimin dapat mengatur urusan ketenteraan, mengatur gerak gerinya serta memilih tempat yang baik bagi perajurit-perajurit. Selanjutnya untuk menjaga keamanan negara dan kedudukannya. Demikian dari antara ilmu pengetahuan yang terkandung di dalam al-Qur'an. Kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa al-Qur'an itu suatu kitab yang menjadi sumber ilmu pengetahuan.

Penutup:

Sekianlah serba ringkas tulisan saya dalam memperkatakan kebesaran al-Qur'an. Oleh itu marilah kita bersama-sama mempelajari hikmah-hikmah serta isi kandungan al-Qur'an itu supaya kita dapat berpandu dengannya. Dengan panduan yang kita ambil dari situ nanti akan berjajalah kita dalam lapangan dan segala cita-cita kita yang suci murni itu akan tercapai demi untuk kepentingan agama, bangsa dan tanah air yang dicintai. *Wa billāh al-tawfīq.*